



SIARAN MEDIA

PROFESOR DR. MOHD NAZRI BIN KAMA, KETUA PENGARAH JABATAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI YANG BAHARU

Putrajaya, 8 Mei 2023 - YBrs. Profesor Dr. Mohd Nazri bin Kama dilantik sebagai Ketua Pengarah, Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP), Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) yang baharu berkuat kuasa pada 8 Mei 2023 bagi menggantikan YBrs. Tuan Mazmalek Mohamad yang bersara wajib pada 2 Januari 2023.

Profesor Dr. Mohd Nazri, 45 tahun merupakan pakar dalam bidang Pengurusan Data, Pembangunan Sistem Komputer dan Analitik Data. Beliau memiliki Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Kejuruteraan Perisian dari University of Western Australia pada tahun 2011, Ijazah Sarjana Kejuruteraan Perisian Masa-Nyata 2003 serta Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Pangkalan Data 1999 dari Universiti Teknologi Malaysia.

Beliau sebelum ini dilantik sebagai Penasihat Perlindungan Data Peribadi kepada YB Menteri Komunikasi dan Digital. Profesor Dr. Mohd Nazri juga merupakan Ahli Anggota Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Felo Pelawat Bidang Data Analitik, Institut Maritim Malaysia serta Panel Pakar Dana Penyelidikan di Kementerian Pendidikan Tinggi dan Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi.

Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Timbalan Dekan Penyelidikan dan Inovasi di Universiti Teknologi Malaysia, Kuala Lumpur.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI (JPDP)**



Menteri Komunikasi dan Digital, YB Fahmi Fadzil menerima kunjungan hormat Ketua Pengarah, Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP) yang baharu, YBrs. Profesor Dr. Mohd Nazri bin Kama di pejabat beliau pagi tadi.